



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

TRENCHLESS ASIA 2025 PERKASA INFRASTRUKTUR BAWAH TANAH MELALUI TEKNOLOGI TANPA KOREKAN

KUALA LUMPUR, 8 Mei 2025 - YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, hari ini telah merasmikan persidangan dan pameran *Trenchless Asia 2025* yang turut melibatkan penyertaan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) selaku pempamer di reruai pameran utama bersama dengan lebih 100 pempamer antarabangsa yang lain.

Penganjuran *Trenchless Asia 2025* oleh Malaysia mencerminkan komitmen Negara terhadap inovasi dan pembangunan mampan, khususnya dalam sektor air, pembetulan dan utiliti. Melalui teknologi ini, antara manfaat yang akan diperoleh termasuk dapat mengurangkan gangguan kepada trafik, komuniti sekitar serta ekosistem memandangkan teknologi ini tidak memerlukan pengorekan besar-besaran di permukaan jalan atau kawasan bandar. Teknologi ini juga dapat menjimatkan ruang dan mengurangkan risiko kerosakan kepada struktur sedia ada dan secara langsung menjamin kesejahteraan awam.

Trenchless Asia adalah pameran dan persidangan antarabangsa berkenaan teknologi tanpa korekan di rantau Asia yang berlangsung selama 2 hari bermula pada 7 hingga 8 Mei 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Ini adalah penganjuran kali keempat yang diadakan di Malaysia. Persidangan ini menjadi platform bagi ahli profesional dalam industri yang melibatkan teknologi bawah tanah untuk berkumpul, seterusnya berkongsi pengetahuan dan pengalaman serta membincangkan cabaran dalam teknologi tanpa korekan. Antara teknologi tanpa korekan terkini yang dipamerkan di *Trenchless Asia 2025*

adalah *Horizontal Directional Drilling (HDD)*, *microtunnelling*, dan kaedah baik pulih sistem paip seperti *Cured-In-Place Pipe (CIPP)*. Teknologi baharu ini mampu menyelesaikan pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur bawah tanah dengan lebih efisien, kos efektif serta mesra alam tanpa gangguan berpanjangan kepada kemudahan awam di kawasan bandar.

Persidangan ini mencerminkan komitmen Malaysia terhadap pembangunan inovasi yang merupakan salah satu teras penting dalam Malaysia MADANI untuk memperkukuh kedudukan sebagai negara yang progresif dan berdaya saing dalam bidang teknologi. Pelaksanaannya merangkumi sesi teknikal, perbincangan panel serta peluang jaringan industri yang melibatkan pelbagai pihak, termasuk agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, penyedia utiliti, syarikat swasta dan institusi akademik yang bertujuan untuk berkongsi pengetahuan serta merangka hala tuju masa depan infrastruktur bawah tanah di peringkat serantau dan global.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

8 MEI 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

